

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

(a) alasan membina semua kapal tersebut di China dan sama ada Kementerian akan memperoleh lagi banyak LMS dari China serta sama ada kapal tersebut akan diatur gerak dalam operasi mempertahankan kedaulatan Pulau Layang-layang; dan

(b) hasil pemindahan pengetahuan dan teknologi oleh CSOC kepada Boustead Naval Shipyard S/B(BSN), adakah hasil ini merupakan harta Kerajaan. Bagaimana hasil ini boleh dikongsi kepada syarikat pembinaan kapal naval lain pada masa yang akan datang .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membina kesemua empat buah *Littoral Mission Ship* (LMS) di China adalah hasil rundingan bagi mendapatkan penjimatan selaras dengan arahan dari Kementerian Kewangan bertarikh 29 Oktober 2018. Melalui pembinaan kesemua LMS di China ianya telah memberikan impak pengurangan kepada kos perolehan dan penjimatan kepada kerajaan sebanyak RM122 juta.

Walaupun Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mempunyai perancangan jangka panjang untuk memiliki sehingga 18 buah LMS, tidak bermakna baki 14 buah lagi akan dianugerahkan kepada limbungan dari negara China. TLDM sentiasa menyokong dasar kerajaan untuk bersikap lebih terbuka dalam perolehan aset pertahanan negara serta memberi keutamaan kepada pembangunan industri pertahanan negara.

LMS akan dioperasikan sepenuhnya bagi memenuhi tugas dan tanggungjawab dalam memastikan perairan Sabah dan Sarawak selamat termasuklah perairan di Terumbu Layang-Layang.

Boustead Naval Shipyard (BNS) selaku peneraju industri maritim negara dipertanggungjawabkan untuk terlibat dalam program ini. Walau bagaimanapun, hak mutlak rekabentuk kapal (*design authority*) ini adalah masih milik CSOC. Justeru, syarikat-syarikat pembinaan kapal lain masih boleh menyertai industri pembinaan kapal kelas LMS ini melalui usahasama dengan mana-mana syarikat yang bersedia untuk berkongsi kepakaran mereka.

Walau bagaimanapun, pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh Pasukan Projek TLDM dan BNS *Project Management Team* yang ditempatkan di limbungan CSOC sepanjang proses merekabentuk dan membina LMS sehingga siap sepenuhnya akan memberikan kelebihan kepada pihak TLDM dan BNS sendiri.